

Gajah mampu ingat kawasan, peristiwa

Miliki keupayaan *spatial*, boleh kunci kawasan itu dan kembali untuk melawat

KUALA LUMPUR

Gajah merupakan haiwan yang menakutkan kerana mempunyai keupayaan *spatial* (ruangan) termasuk boleh mengingat sesuatu kawasan walaupun telah melaluinya untuk tempoh lama.


Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Jamhuri Jamaluddin berkata, dengan keupayaan berkenaan, gajah boleh mengingat jalan yang dilaluinya meskipun haiwan itu di-

pindahkan ke suatu kawasan lain yang lebih jauh.

Sehubungan dengan itu, beliau yang kini melakukan penyelidikan di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bertajuk 'Pemantauan Pergerakan dan Analisis Gajah', tidak menolak kemungkinan ibu gajah yang anaknya mati dilanggar lori di Gerik, Perak pada Ahad lepas boleh kembali ke lokasi kejadian.

"Gajah mempunyai *spatial memory* termasuk boleh mengingat kawasan dan faham konsep kematian. Ia boleh kunci kawasan itu dan boleh kembali untuk melawat. Itulah kelebihan naluri gajah dan sains pun belum dapat buktikan bagaimana ia boleh mengingat," katanya kepada *Bernama* pada Rabu.

Selain itu, Jamhuri berkata, gajah ialah haiwan mamalia yang mempamerkan ting-



Gajah mempamerkan tingkah laku sosial mengagumkan dengan membina hubungan emosional kuat bersama ahli kumpulan.

kah laku sosial mengagumkan dengan membina hubungan emosional yang kuat bersama ahli kumpulan.

"Kecerdasan emosi gajah bukan mitos kerana haiwan ini faham konsep kematian dan tahu keberadaan ahli keluarga yang mati dan ka-

dangkala haiwan itu kembali ke tempat sama walaupun yang tinggal cuma rangka," katanya.

Beliau berkata, hubungan dalam kalangan gajah bukan sekadar biologi, tetapi bersifat sosial dan emosi sehinggakan ibu gajah akan menjaga anak selama bertahun-tahun.

Pada Ahad, tular di media sosial seekor anak gajah jantan dianggarkan berusia lima tahun maut selepas dilanggar sebuah lori muatan ayam di Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik-Jeli.

Kejadian yang berlaku pada sambutan hari ibu meruntun jiwa rakyat Malaysia kerana ibu gajah berusaha untuk membawa keluar anaknya yang tersepit di bawah lori dan setia menunggu di situ selain dilihat mengalirkan air mata meratapi nasib anaknya.



Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.